

Peniaga Melayu Pahang yakin pimpinan Najib

TEMERLOH, Selasa — Persatuan Peniaga dan Penjaja Kecil Melayu Pahang yakin kerajaan baru Negeri Pahang di bawah pimpinan Datuk Najib Tun Abdul Razak akan membuka peluang lebih banyak kepada peniaga-peniaga di negeri itu.

Timbalan Yang Dipertua persatuan itu, Encik Mohamad Ali Yusof berkata, peralihan Datuk Najib sebagai Menteri Besar disifatkan sebagai 'pucuk dicinta ulam mendatang' kerana selain mem-

punyai pengalaman dalam bidang pentadbiran, beliau juga adalah anak Pahang yang disegani oleh segenap lapisan rakyat.

"Datuk Najib boleh membawa negeri ini ke zaman kegemilangannya seperti tahun-tahun sebelumnya," kata beliau.

Encik Mohamad Ali menegaskan, m a s a yang ditunggu-tunggu oleh rakyat Pahang, khususnya peniaga-peniaga kecil telah tiba dan beliau yakin Pahang akan lebih

maju di bawah pimpinan Datuk Najib.

Persatuan Peniaga dan Penjaja Kecil akan memberi kerjasama kepada Kerajaan Negeri yang baru.

Sementara itu, Dewan Perniagaan Cina Pahang mensifatkan peralihan Datuk Najib sebagai Menteri Besar lebih merupakan cabaran terhadap ketokohan-nya.

Dewan itu yakin Datuk Najib dapat meneruskan pembangunan yang lebih pesat untuk faedah rakyat.